



UNTUK EDARAN SEGERA

LTAT UMUM DIVIDEN 5% BAGI TAHUN 2022 SELARAS MISI 5:50

Indikasi Pencapaian Pelan Transformasi 2019-2023

KUALA LUMPUR, 13 MAC 2023 - Lembaga Tabung Angkatan Tentera (“LTAT”) hari ini mengisytiharkan kadar dividen sebanyak 5% dengan jumlah pembayaran sebanyak RM476.45 juta bagi tahun 2022, disaksikan YB Dato’ Seri Utama Haji Mohamad bin Hasan, Menteri Pertahanan. Ini menandakan peningkatan kadar dividen berbanding tahun sebelumnya sebanyak 4.1% dengan jumlah pembayaran RM379.42 juta.

Pengerusi LTAT, YM Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor (bersara) berkata, “Walaupun tahun 2022 merupakan tahun yang mencabar buat kami di LTAT, saya berbesar hati untuk mengutarakan bahawa LTAT yang kini dalam fasa akhir pelaksanaan Pelan Transformasi 2019-2023 berupaya untuk menangani cabaran ini dan mengukuhkan kedudukannya serta kekal kompetitif dengan dana-dana lain. Pelan yang dipaksikan Rangka Kerja Perumpukan Aset Strategik (SAA) ini bertujuan untuk memberi pulangan jangka masa panjang yang mampan kepada pencarum, iaitu Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan pesara tentera. Saya berbangga LTAT berjaya untuk mengumumkan peratusan dividen yang lebih baik tahun ini sebanyak 5% sekaligus mencapai misi 5:50 bersempena dengan sambutan Jubli Emas LTAT. Ini juga menunjukkan peningkatan kadar dividen yang konsisten semenjak tahun 2018. Tahniah kepada warga LTAT,”.

Prestasi Kewangan 2022

Tahun	Kadar Dividen	Aset di Bawah Pengurusan (“AUM”)	Pendapatan Kasar	Pendapatan Tertahan (Pasca Dividen)
2018	2.0%	RM 8.94 bn	RM422.77 juta	RM 38.71 juta
2019	2.5%	RM 9.22 bn	RM195.24 juta	RM 63.47 juta
2020	3.5%	RM 9.26 bn	RM334.42 juta	RM 193.20 juta
2021	4.1%	RM 9.77 bn	RM511.95 juta	RM 289.15 juta
2022 (belum diaudit)	5.0%	RM 10.33 bn	RM652.36 juta	RM 499.64 juta

Kadar Dividen dan Prestasi Kewangan 2018-2022

LEMBAGA TABUNG ANGGARAN TENTERA SIARAN MEDIA



LTAT merekodkan RM652.36 juta Pendapatan Kasar untuk tahun dalam tinjauan, peningkatan sebanyak 27.4% berbanding tahun sebelumnya, yang didorong oleh hasil pendapatan pelaburan ekuiti awam dan ekuiti persendirian. LTAT juga merekodkan RM499.64 juta Pendapatan Tertahan (pasca dividen) iaitu peningkatan signifikan sebanyak 72.8% berbanding RM289.15 juta pada tahun sebelumnya.

“Kami kekal teguh dalam memberikan pulangan yang mampan dan juga membangunkan simpanan persaraan pencarum. Mengambil kira tahun yang mencabar, LTAT berjaya merekodkan prestasi kewangan tahun ke tahun yang lebih baik untuk semua penunjuk prestasi utama kewangan, semenjak Pelan Transformasi dimulakan pada tahun 2019. Peningkatan ini sememangnya merupakan hasil daripada langkah bersepadu penambahbaikan tadbir urus korporat, penyelarasan perumpukan aset, pengukuhan kompetensi bakat, dan penggubalan rangka kerja risiko dan kawalan dalaman. Kami berharap untuk meneruskan momentum sebegini,” kata Dato’ Nazim Rahman, Ketua Eksekutif LTAT.

Antara kejayaan utama lain yang diraih LTAT pada tahun 2022 ialah penguatkuasaan Akta Tabung Angkatan Tentera (pindaan) pada 1 November 2022 yang memberikan tumpuan kepada Rangka Kerja Perumpukan Aset Strategik (SAA) sebagai prinsip panduan dalam aktiviti pelaburan LTAT serta memberi jaminan Kerajaan ke atas simpanan persaraan pencarum, sekaligus memberikan perlindungan kepada pencarum. Akta tersebut juga menyediakan fleksibiliti kepada pencarum untuk meningkatkan kadar caruman individu dan mengekalkan caruman simpanan walaupun selepas penamatan perkhidmatan yang akan dilaksanakan secara berfasa. Pencarum LTAT juga kini diberi kemudahan untuk membuat pengeluaran khas untuk tujuan Haji dan Pendidikan.

LTAT ke Hadapan.

Bagi tahun 2023, LTAT dengan kedudukan dan daya saing yang lebih baik kini akan memacu fasa pertumbuhan seterusnya. Sebagai langkah untuk memberi pulangan jangka masa panjang yang mampan, LTAT telah mengumumkan notis tawaran pengambilalihan secara sukarela bersyarat kepada Boustead Holdings Berhad (“BHB”) untuk mengstruktur semula portfolio pelaburannya. Tawaran ini akan memberikan fleksibiliti kepada LTAT untuk menjalankan pelan pemulihan BHB dan meningkatkan pulangan kepada pencarum dalam jangka masa panjang.



Untuk tahun-tahun kewangan selanjutnya, LTAT akan mengambil langkah untuk meningkatkan lagi Aset di Bawah Pengurusan (“AUM”) dan memacu nisbah solvensi melebihi 100%. LTAT akan terus meningkatkan kesejahteraan Angkatan Tentera Malaysia dan pesara tentera serta menjadi dana persaraan berprestasi dan berprestij tinggi.

Dato’ Nazim berkata, “Kesejahteraan dan perlindungan sosial pencaerum kami adalah merupakan teras utama mandat LTAT. Justeru, kami kekal komited dalam memastikan dana persaraan ini akan terus diperkukuhkan lagi. Pada masa yang sama, kami akan menimba penambahbaikan penyampaian perkhidmatan untuk memastikan LTAT terus memberi nilai khidmat terbaik kepada Angkatan Tentera Malaysia dan pesara tentera. Insyallah, akan ada lebih banyak perkembangan positif untuk pencaerum kami.”

Bersempena dengan pengumuman dividen dan bagi menyempurnakan sambutan Jubli Emas LTAT, 13 pemenang cabutan bertuah yang merupakan pencaerum serta pengguna aplikasi digital MyWira telah menerima pelbagai hadiah menarik. Ini termasuk sebuah kereta Proton X50, kereta Perodua MyVI, motorsikal Honda RSX-150, motorsikal YAMAHA Ego Gear, telefon pintar iPhone 14 dan pelbagai hadiah tajaan Syarikat Kumpulan LTAT. Ini adalah sebahagian daripada aspirasi LTAT untuk memberi ganjaran kepada pencaerum-pencaerum selain daripada ganjaran dividen tahunan. Penyerahan hadiah ini telah disempurnakan oleh YB Menteri Pertahanan serta disaksikan oleh Pengerusi dan Ketua Eksekutif LTAT.

Pengkreditan dividen 2022 kepada 122,935 pencaerum telah dilaksanakan pada hari Jumaat, 10 Mac 2023. Pencaerum boleh mendapat maklumat terkini melalui aplikasi mudah alih MyWIRA atau menerusi laman web LTAT di www.ltat.gov.my. Aplikasi MyWIRA ini boleh dimuat turun dari Google Play Store atau Apple App Store.

-TAMAT-



LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA (LTAT)

13 MAC 2023

Mengenai LTAT

Ditubuhkan pada bulan Ogos 1972 di bawah Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (Akta 101), LTAT merupakan sebuah institusi badan berkanun yang menyediakan kemudahan Skim Simpanan Persaraan kepada para Pegawai dan anggota lain-lain pangkat Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta pesara tentera. Terbaru, Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 telah diumumkan pindaannya pada 1 November 2022.

Sehingga kini, LTAT mempunyai seramai 122,935 pencazum ATM. Di bawah skim LTAT, pencazum wajib dikehendaki mencarum 10% daripada gaji bulanan dan Kerajaan akan mencarum sebanyak 15% sebagai majikan kepada LTAT.

LTAT menguruskan RM10.3 bilion Aset Di bawah Pengurusan setakat 31 Disember 2022 dengan pengisytiharan dividen sebanyak 5% kepada pencazum pada tahun 2022, selepas pembayaran tahun sebelumnya sebanyak 4.1% pada tahun 2021, 3.5% pada tahun 2020, 2.5% pada tahun 2019 dan 2% pada tahun 2018.

PERHUBUNGAN MEDIA:

Izzat Alhadjri

Pengarah dan Ketua Komunikasi

E-mel : izzat.alhadjri@ltat.gov.my

No. Tel : +60192180792

Laman web : www.ltat.gov.my